

KEJOHANAN OLAHRAGA TERBUKA POAPs

Pada 3 hingga 4 Oktober 2009 yang lalu bertempat di Stadium UiTM Arau Perlis pasukan olahraga UniMAP telah menyertai Kejohanan Olahraga Terbuka Perlis anjuran persatuan Olahraga Amatur Perlis (POAPs). Kejohanan ini merupakan kejohanan tahunan dalam kalender POAPs yang melibatkan semua peserta seluruh Malaysia.

Pada kejohanan kali ini pasukan UniMAP telah menghantar seramai 2 atlet sahaja bagi menyertai beberapa acara daripada 17 acara yang di pertandingkan. Pada kejohanan kali ini, bekas raja pecut Negara Nazmizan Mohamad telah memenangi 2 emas bagi acara 200 meter dan 400 meter.